



**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

31 MEI 2022 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHRAL PENGGUNA

**KERATAN AKHBAR
DAN MEDIA ONLINE
(KPDNHEP)**

31 MEI 2022 (SELASA)

Sindiket isi diesel guna kad kredit, upah tonto

Taktik penyeludup terbongkar selepas premis jadi stor diserbu

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
bhnews@bh.com.my

Melaka: Isi diesel antara RM300 hingga RM500 di setiap stesen minyak di sekitar Melaka menggunakan kad kredit dan upah tonto.

Itu modus operandi sindiket penyeludupan diesel aktif sejak seminggu lalu bagi mengaburi pihak berkuasa.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar, berkata taktik licik sindiket itu bagaimanapun terbongkar hasil maklumat awam, pemeriksaan berkala dan risikan pihaknya selepas menyerbu premis dijadikan stor haram penyimpanan diesel disyaki untuk diseleweng di kawasan Perindustrian Krubong, kira-kira jam 7 malam kelmarin.

"Hasil serbuan kita menemui kira-kira 10,000 liter diesel di dalam tangki tambahan lori yang digunakan serta tangki minyak."

"Selain itu, 18 tangki tambahan, dua motosikal serta paip penyambung dengan keseluruhannya dianggarkan bernilai RM135,000 turut disita dan dibawa ke stor KPDNHEP," katanya ditemui di lokasi serbuan semalam.

Ketika serbuan, Norena berkata, dua lelaki sedang menyedut diesel ke tangki besar daripada sebuah lori dan bertempiran lari dengan memanjat tembok dan meloloskan diri sekitar semak samun berhampiran stor itu.

"KPDNHEP Melaka serius membanteras kegiatan penyeludupan dan diesel ini disyaki untuk diseleweng bagi pasaran industri di seluruh negara. Diesel industri ini berharga RM4.20 hingga RM4.30 seliter dan jika dijual di pasaran gelap lebih kurang RM4 seliter, jadi masih dapat untung dan industri pula mahu menjimatkan kos," katanya.

Katanya, taktik sindiket adalah membuat isian penuh diesel di stesen minyak di tiga daerah di Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah sebelum kembali ke stor penyimpanan.

"Tangki lori digunakan juga diubah suai dan dipasang suis khas. Jika dilihat dari luar nam-



Norena (dua dari kiri) bersama pegawainya memeriksa lori digunakan sindiket di sebuah premis di kawasan Perindustrian Krubong, Melaka, semalam. (Foto Meor Riduwan Meor Ahmad/BH)

pak mereka seperti mengisi tangki biasa dan pekerja stesen minyak tidak akan perasan.

"Tetapi bila suis dihidupkan ia akan menyedut diesel ke tangki dalam lori. Setiap satu lori ada enam tangki diubah suai dan boleh memuatkan 1,000 liter diesel.

"Sindiket juga membayar menggunakan kad kredit atau de-

bit, jadi tidak perlu berjumpa pekerja di kaunter," katanya.

Beliau berkata, sindiket juga menggunakan tonto bagi mengekori pihaknya ketika operasi dan membuat helah dengan melalui jalan berlainan untuk ke stor haram itu.

"Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan

1961 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM1 juta atau penjara maksimum tiga tahun jika kesalahan bagi orang perseorangan, manakala bagi kesalahan dilakukan pertubuhan, denda maksimum RM3 juta bagi kesalahan pertama atau maksimum RM5 juta bagi kesalahan kedua dan seterusnya," katanya.



NORENA (kiri) bersama pegawainya memeriksa lori yang digunakan sindiket yang dilengkapi tangki tambahan di sebuah premis di kawasan Perindustrian Krubong, Melaka.



PEGAWAI penguat kuasa KPDNHEP Melaka memeriksa tangki besar yang disita.



LORI yang digunakan sindiket untuk menyeludup diesel subsidi.

Oleh Meor Riduwan Meor Ahmad
 am@hmetro.com.my

Cabut lari panjat tembok

Melaka

Sindiket penyeludup bayar guna kad kredit, debit elak berjumpa pekerja kaunter

Isi diesel subsidi antara RM300 hingga RM500 di beberapa stesen minyak sekitar Melaka, bayar diesel guna kad kredit selain mengupah geng tonto.

Itu modus operandi sindiket penyeludupan diesel subsidi bagi melindungi kegiatan haram mereka daripada dihidu pihak berkuasa.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar berkata, taktik licik sindiket itu bagaimanapun terbongkar hasil maklumat

awam, pemeriksaan berkala dan risikan pihaknya.

Beliau berkata, pihaknya menyerbu premis dijadikan stor haram penyimpanan diesel subsidi disyaki untuk diseleweng di kawasan Perindustrian Krubong di sini, jam 7 malam kelmarin.

"Hasil serbuan itu, kami menemui kira-kira 10,000 liter minyak diesel di dalam tangki tambahan lori serta tangki minyak (skid tank).

"Selain itu, 18 tangki tambahan, dua motosikal serta

paip penyambung keseluruhannya dianggarkan bernilai RM135,000 turut disita dan dibawa ke stor KPDNHEP," katanya.

Norena berkata, semasa serbuan, dua lelaki sempat melarikan diri dengan memanjat tembok dan meloloskan diri di sekitar semak samun berhampiran stor itu.

"Ketika serbuan, mereka

sedang memindahkan diesel ke tangki besar daripada sebuah lori.

"KPDNHEP Melaka memandang serius kegiatan penyeludupan dan diesel ini disyaki mahu diseleweng bagi pasaran industri di seluruh negara.

"Diesel industri ini berharga RM4.20 hingga RM4.30 seliter. Sindiket masih mampu mengaut

keuntungan besar walaupun ia dijual di pasaran gelap pada harga RM4 seliter," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, sindiket membuat isian penuh diesel subsidi di stesen minyak di tiga daerah di Jasin, Alor Gajah dan Melaka Tengah sebelum kembali ke stor penyimpanan.

"Sindiket juga membayar menggunakan kad kredit atau debit. Jadi mereka tidak perlu berjumpa pekerja di kaunter," katanya.

Beliau berkata, sindiket juga menggunakan tonto bagi mengekori pihaknya ketika operasi berkenaan dan membuat helah dengan melalui jalan berlainan untuk ke stor haram itu.

"Malah, ketika serbuan dilakukan, beberapa kenderaan disyaki tonto turut berada di luar stor dan merakam gambar penguat kuasa," katanya.

Kes disiasat mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.

Sindiket mengupah tonto bagi mengekori pihak berkuasa



NORENA (depan) menunjukkan tangki minyak yang telah diubah suai untuk mengisi bekalan diesel di stor di Kawasan Perindustrian Krubong, Melaka semalam.

KPDNHEP serbu kegiatan kumpul 10,000 liter diesel

'Pusing' satu Melaka kumpul diesel

MELAKA – Taktik sekumpulan individu mengumpul 10,000 liter minyak diesel yang dibeli di stesen minyak sekitar negeri ini untuk dijual semula secara haram tidak berhasil apabila dicekup dalam satu serbuan kelmarin.

Dalam serbuan kira-kira pukul 7 malam itu, dua suspek lelaki bagaimanapun berjaya melarikan diri dari premis yang dijadikan stor di Kawasan Perindustrian Krubong di sini.

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka, Norena Jaafar berkata, serbuan itu merupakan hasil risikan yang dilakukan penguat kuasa selama seminggu membabitkan pemantau premis dan

kenderaan digunakan.

"Kita syak individu terbabit telah mengumpul bekalan minyak diesel dengan cara membuat isian antara RM300 sehingga RM500 di stesen minyak sekitar Melaka menggunakan lori tiga tan yang telah diubah suai.

"Satu serbuan telah dilakukan di premis disyaki stor penyimpanan dan menjumpai bekalan minyak diesel sebanyak 10,000 liter disimpan di dalam tangki tambahan lori serta sebuah tangki minyak dengan kapasiti 20,000 liter," katanya.

Bellau berkata demikian pada sidang akhbar rampasan minyak diesel di Kawasan Perindustrian Krubong semalam.

Jelasnya, ketika serbuan di-

lakukan, kedua-dua suspek lelaki yang sebelum itu dilihat melakukan kerja memindahkan bekalan minyak dari lori bertindak memanjat tembok belakang premis sebelum meloloskan diri di dalam kawasan semak.

Norena berkata, susulan itu pihaknya telah menyita bekalan minyak diesel bernilai RM21,500 dan peralatan yang dipercayai digunakan dalam kegiatan tersebut termasuk 18 buah tangki tambahan dengan nilai keseluruhan rampasan RM135,000.

"Kita percaya suspek telah melakukan kegiatan ini sejak seminggu yang lalu dan cuba memasarkan minyak diesel ini kepada pengguna industri pada harga sekitar RM4 seliter," ujarnya.

Pemborong ayam dikenakan caj pengangkutan pula!

Langkawi: Penjual ayam segar di Pasar Awam Kuah di sini, terpaksa menjual sehingga RM10.20 sekilogram (kg) berbanding harga siling RM9.40 per kg untuk menampung caj pengangkutan yang dikenakan pemborong terhadap mereka.

Tinjauan di Pasar Awam Kuah di sini, semalam didapati setiap gerai menampilkan notis harga ayam segar dijual pada RM9.40 per kg, namun pada masa sama mengenakan caj pengangkutan 80 sen ke atas pelanggan.

Peniaga, Haris Said, 60,

berkata, caj pengangkutan itu pertama kali dikenakan pemborong sebaik peniaga beroperasi semula selepas sambutan Aidilfitri.

"Harga ayam terpaksa dinaikkan susulan pemborong mengenakan caj pengangkutan dan caj sama dikenakan kepada pembeli untuk kami dapat sedikit keuntungan.

"Saya sendiri tertekan kerana menjual ayam pada harga yang tinggi seperti itu, tapi apakan daya," katanya ketika ditemui di gerainya.

Seorang lagi peniaga, Abdul Aziz Abdullah, 46, ber-

kata, dia turut menjual ayam pada harga tinggi iaitu RM10.20 kerana tidak mampu menampung modal jika menjual ayam pada harga siling ditetapkan.

"Selain itu, pembekal kini turut menhadkan bekalan ke pulau ini, saya hanya terima bekalan 20 peratus berbanding jumlah yang ditempah seperti kebiasaan sebelum ini," katanya.

Sementara itu, Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Kedah Affendi Rajini Kanth



HARIS menunjukkan notis memaparkan harga ayam dijual RM9.40 dan caj pengangkutan 80 sen di gerainya di Pasar Awam Kuah, Langkawi. - Gambar NSTP/HAMZAH OSMAN

berkata, caj pengangkutan yang dikenakan peniaga ter-

babit tidak dikawal pihak-
nya.
"Harga ayam bersih stan-
dard di Langkawi ditetapkan

pada RM9.40 sekilogram,"
katanya ketika dihubungi di
sini.

ENHANCING LEGAL METROLOGY THROUGH DIGITALISATION

HAVING benefited from a strong industrial support network in legal metrology when it started, today the Metrology Corporation Malaysia Sdn Bhd (MCM) is more determined to continuously excel and enhance the services through digitalisation to cope with the needs and trending.

Legal metrology is a legal requirement in which all weights, measures and instruments for weighing and measuring for use for trade are subjected to legal verification and re-verification, stamping and registration, as stipulated in the Weights and Measures Act 1972.

If everyone can agree that metrology contributes towards a natural and vital part of our everyday life, then it is the same saying that legal metrology could protect everyone in our everyday life.

The need for fairness and justice, be it in monetary or other commercial transactions, should be justified by a legalised and credible measurement through legally controlled methods and measuring instruments.

MCM stands to champion the needs in legal metrology ever since it was awarded a fifteen-year concession for verification services by the Government in 2005.

It was incorporated primarily to undertake the implementation of the privatisation project under the scope of a privatisation scheme.

MCM has extended the services through a five-year contract awarded in April 2020 and managed to continuously surpass the annual minimum royalty guarantee set by the Government.

Apart from an increase in the number of weighing and measuring instruments verified and re-veri-



An MCM officer verifying the accuracy of a spring balance.

fied, the company has further improved the level of service provided.

With waiting time having been reduced significantly, the company had benefited owners of weighing and measuring instruments as well as the repairers.

For the record, MCM has verified more than seven million weighing and measuring instruments since day one in operations.

Coupled with 190 verification officers from 34 branches all over Malaysia, more than 15 thousands units of test standards and equipment, logistic capabilities of 21 lorry-cranes and 13 4WD vehicles, MCM is ever ready to deliver verification and re-verification

tasks at the best of service.

Addition to these facilities, MCM has developed an IT system integrating its entire verification works, including a systematically industrial database.

The system is enhanced, improved and upgraded from time to time according to industry current and future needs.

Proudly having a solid 17 years of verification experience, MCM remains its primary objectives of promoting fair trade, consumer protection and harmonisation with international measurement standards and practices.

Strategically with the experience and achievements, MCM received the OIML CEEMS 2017 - 9th award



A petrol pump dispenser being verified by an MCM officer.

in Hamburg, Germany which recognises the success of a unique model of public-private collaboration that produces an effective national metrology system covering legislation, reliability, enforcement and verification of trade and public transactions.

The collaboration consists of the Ministry of Domestic Trade and Consumer Affairs (KPDNHEP), National Metrology Institute Malaysia (NMIM) and MCM has contributed to improvements in fair trade, consumer protection and fraud eradication in Malaysia.

MCM is also the proud owner of ISO/IEC 17025: 2017 SAMM Mass Laboratory, accredited certification

issued by the Department of Standard Malaysia.

Hence, any metrology-related works undertaken by MCM are fully recognised.

On top of the laboratory accreditation, MCM was also granted by the Department of Standard Malaysia for the ISO/IEC 17020: 2016 MIBAS Inspection Body: Certification of Accredited Inspection Body in inspection of weighing and measuring instruments.

MCM has been anticipating digitalisation initiatives for the last eight years.

In 2015, MCM started using QR coding (Software as a Service model-SaaS) on verification stickers for verifying certain categories of measurement instruments.

This is evident that MCM had started to use cloud computing as part of legal metrology digitalisation.

MCM had also initiated research and development collaborations with local public and private universities, to develop digital and robotic test equipment, to provide options over conservative standard testing sets (mass and volume).

Objectives of these initiatives are always within the lines of legal metrology's main objective, which is to ensure fair trade is upheld when concerning measuring instruments.

Digitalisation can offer better accuracy and correct results as it reduces or eliminates human errors.

It can also provide quicker testing time as well as being energy saving and environmentally friendly.

MCM full-heartedly welcomes the Metrology Day 2022 theme 'Metrology in the Digital Era'.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM8.99
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99
• Daging Lembu Import	RM28
• Telur Cred A	RM12.45
• Ikan Kembung	RM10
• Minyak Masak	RM6.50
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.50
• Bawang Putih	RM5.49
• Cili Merah	RM14
• Kubis Tempatan	RM3.99
• Tepung Gandung	RM2.30

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP